

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Bil. P.T.G. Kn. 19/66/(7)

Kepada :

Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah,  
Kelantan.

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 6 TAHUN 1966**

#### **CAVEAT**

Mengikut Bab 328(I) Kanun Tanah Negara caveat yang dimasuki oleh perseorangan (private caveat) jika tidak ditarik balik di bawah Bab 328 Kanun Tanah Negara ataupun dimansuhkan oleh Pendaftar dengan kuasa Bab 326 ataupun diperintah oleh Mahkamah di bawah Bab 327 akan luput kuasanya dengan sendiri setelah tamat tempoh 6 tahun dari tarikh caveat itu dikuatkuasakan dan pemasukan itu bolehlah dibatalkan oleh Pendaftar dengan tindakannya sendiri ataupun atas perintah pihak yang berkenaan. Dengan adanya Bab 328 timbulah sedikit keraguan sama ada dengan kuatkuasanya Kanun Tanah Negara itu dikuatkuasakan pada 1.1.1966.

2. Masalah ini telah dibincangkan dengan pihak Peguam Negara dan juga Penasihat Undang-undang Negeri dan untuk menghapuskan keraguan ini M.M.K. dalam mesyuaratnya pada 8hb Mei, 1966 telah menimbangkan Kertas Bil. 10/272/66 II (23) dan memutuskan bahawa bagi caveat perseorangan yang tarikh pemasukan terdahulu daripada tarikh Kanun Tanah Negara dikuatkuasakan akan terus berjalan kuasanya sehingga tamat tempoh 6 tahun daripada tarikh Kanun Tanah Negara dikuatkuasakan (iaitu daripada 1.1.1966) dan kuasa caveat itu dengan sendirinya akan luput sebagaimana dicatitkan dalam Bab 328 setelah tamat tempoh 6 tahun tersebut. Bagi caveat yang dimasukkan setelah

Kanun Tanah Negara dikuatkuasakan tidaklah dianggap menjadi masalah kerana kedudukannya sangatlah nyata di bawah Bab 328 Kanun Tanah Negara.

t.t  
**(Hashim bin Aman)**  
Pesuruhjaya Tanah dan Galian  
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN**

**KOTA BHARU:** 26HB. MEI, 1966